

# Janji lama dikitar semula

## Manifesto pembangkang tiada penjelasan pertumbuhan ekonomi, agihan kekayaan

**M**anifesto pakatan pembangkang tidak ubah seperti janji penjual ubat di kaki lima. Ia hanya omong kosong dan sekadar janji dangkal yang dikitar semula oleh pembangkang untuk rakyat.

Itulah yang disuarakan bekas Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Dr Chandra Muzaffar ketika diminta memberikan pendapatnya mengenai manifesto pakatan pembangkang yang diumumkan kelmarin.

"Kalau dibuat penilaian secara keseluruhan, ini (manifesto) hanya janji lama yang dikitar semula yang diberi nafes baru. Tidak ada sesuatu yang baru atau menarik seperti menyentuh aspek inovasi, kreativiti dalam ekonomi."

"Tiada cadangan bagaimana hendak melahirkan idea baru, tiada penjelasan mengenai pertumbuhan ekonomi. Agihan kekayaan ekonomi juga tidak ada."

"Ja manifesto dikitar semula, sebahagian besar daripada kandungannya retorik dan akhirnya kita diwajibkan membuat kesimpulan dan mengesahkan persepsi sebahagian rakyat bahawa pakatan pembangkang hanya menjual ubat tetapi selepas itu cabut lari," jelas beliau dalam nada yang amat pasti.

### Idea celupan

Meneliti kandungan manifesto pakatan pembangkang sempena Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) setebal 38 halaman yang diumumkan dalam konvensyen khas di Shah Alam itu, ia tidak ubah sekadar 'idea celupan' Bajet 2013 seperti dicadangkan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim tahun lalu yang tidak lain hanya bertujuan untuk memancing undi.

Ia tidak menyatakan secara khusus dari mana dana atau sumber perbelanjaan diperoleh sama ada bersumberkan daripada cadangan Belanjawan 2013 pakatan berjumlah RM233 bilion yang dibentangkan Anwar tahun lalu atau diambil daripada sumber kewangan kerajaan memerintah hari ini.

Chandra yang juga Pengurus Yayasan 1Malaysia turut mempersoalkan dari manakah sumber kewangan pakatan pembangkang untuk melaksanakan manifesto mereka.

"Perkara yang paling penting untuk menilai manifesto ini ialah dari manakah sumber darinya. Jika tidak dinyatakan dari mana sumbernya, bagaimana hendak melaksana-

kannya," tegasnya.

Memang, di dalam manifesto itu, tidak dinyatakan dari mana sumber kewangan diperoleh seperti bagi menghapuskan monopoli termasuk melakukan perjanjian semula dengan syarikat pengeluar tenaga bebas (IPP), memberi pendidikan percuma, menghapuskan bayaran tol dan menaikkan kadar royalti kepada negeri pengeluar minyak.

Timbul juga persoalan apakah strategi yang akan dilaksanakan pakatan untuk mengimbangi perbelanjaan ini kerana berdasarkan hasrat terkandung dalam manifesto itu, ia akan meningkatkan kadar hutang negara kerana kerajaan perlu menanggung bajet besar jika tol dihapuskan dan pendidikan percuma diberikan.

### Kadar nisbah hutang

Ketika ini, nisbah kadar hutang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang berada pada tahap 53 peratus masih dianggap 'selesa' untuk negara apatah lagi disokong dengan pendapatan dan dagangan yang terus meningkat.

Namun, jika dilihat kepada anggaran perbelanjaan yang perlu ditanggung menerusi manifesto itu, ia dibimbangi hanya akan meningkatkan lagi kadar hutang negara, sekali gus memberi kesan kepada kedudukan pasaran kewangan.

Menurut Chandra, jika hutang ne-

baldi Baharumshah turut membangkitkan persoalan dari mana datangnya sumber kewangan pembangkang untuk melaksanakan manifesto berkenaan.

"Persoalannya, dari manakah wang itu datang kerana ini semua mempunyai kaitan. Jika ada perbelanjaan, ia perlu seimbang dengan pendapatan. Di sini, kita tidak tahu matematik macam mana yang mereka kira," katanya.

Justeru, tidak hairanlah apabila Timbalan Pengurus Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC), Datuk Abdul Rahman Dahlan menyifatkan manifesto berkenaan boleh merancakkan ekonomi dan kewangan negara.

Pada pendapatnya, pembangkang hanya tahu menawarkan manifesto tetapi tidak menyatakan dengan jelas atau menyeluruh bagaimana ia hendak direalisasikan.

"Pembangkang harus sedar setiap sen yang mereka hendak beri subsidi atau menghapuskan tol, perlu dicari sumber pendapatannya. Ia sekadar janji populis untuk meraih sokongan pengundi menjelang PRU-13. Ini bukan satu pendekatan yang bertanggungjawab," katanya.

### Tiada keistimewaan Bumiputera

Sementara itu, seperkara yang harus dibimbangkan Bumiputera ialah, tiada janji ditawarkan untuk terus

sedar bahawa manifesto pakatan pembangkang adalah satu pendekatan tersembunyi untuk menukar imej PAS yang sebelum ini tegak dengan Islam dan Melayunya supaya menerima hakikat 'Malaysian Malays', sama rata dan sama rasa.

### Tak peduli kelangsungan Melayu

"Manifesto yang dibentangkan tidak mengambil kira langsung kelangsungan umat Melayu sebagai umat peribumi dan pelaksanaan syariat Islam seperti yang tertanam di hati sanubari ahli dan penyokong PAS," katanya.

Rasionalnya, rakyat tidak harus terpedaya lagi dengan manifesto pakatan pembangkang ini lebih-lebih lagi jika dikaji rekod pembangkang, sebahagian besar manifesto pada PRU 2008 masih gagal ditunaikan.

Seperkara yang harus diambil perhatian rakyat juga ialah, adakah wajar pakatan pembangkang diberi kepercayaan untuk diangkat menjadi kerajaan kerana dalam soal pelaksanaan manifesto pilihan raya, mereka ternyata gagal untuk menunaikannya.

### Manifesto bukan janji

Dalam hal ini, rakyat tidak harus melupakan kata-kata Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang menyatakan manifesto bukan janji.

Jika Abdul Khalid, seorang pemim-



**Tidak ada sesuatu yang baru atau menarik seperti menyentuh aspek inovasi, kreativiti dalam ekonomi"**

**Chandra Muzaffar,**  
Bekas Timbalan Presiden PKR

gara meningkat ia bermakna akan mengurangkan kemampuan kita untuk meminjam dalam pasaran wang antarabangsa dan memberi kesan kepada pelaburan.

Sama ada ia disengajakan atau tidak, penggubal manifesto pakatan pembangkang sebenarnya tidak mengambil kira aspek hutang negara dalam menghasilkan manifesto berkenaan kerana ia akan menentukan kadar keseimbangan bajet negara.

### Kelemahan pembangkang

Kegagalan untuk memberi tumpuan bagi mengimbangi bajet hanya mendekan kelemahan pakatan pembangkang dalam menghasilkan manifesto mereka.

Pensyarah ekonomi dari Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Ahmad Zu-



**Setiap sen yang mereka hendak beri subsidi atau hapuskan tol, perlu dicari sumber pendapatannya"**

**Abdul Rahman Dahlan,**  
Timbalan Pengurus Kelab BNNBC

membela hak dan keistimewaan kaum peribumi melainkan dasar menghapuskan diskriminasi kaum demi menjamin keharmonian dan perpaduan rakyat.

Ia boleh membawa maksud bahawa sekiranya pakatan pembangkang berjaya menjadi kerajaan, tidak mustahil mereka akan menghapuskan kontrak sosial dan melucutkan hak serta keistimewaan Bumiputera yang termaktub di dalam Perlembagaan.

Dalam pada itu, manifesto berkenaan hanya meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan tetapi memilih mengangkat kepelbagaiannya budaya yang wujud ini untuk dijadikan teras positif hidup bermasyarakat.

Itulah yang dibimbangkan Presiden Jalur Tiga (JATI), Datuk Dr Hasan Mohamed Ali dan umat Islam yang



**Manifesto dibentangkan tak mengambil kira langsung kelangsungan Melayu sebagai umat peribumi"**

**Hasan Mohamed Ali,**  
Presiden JATI

pin pakatan pembangkang mengaku manifesto bukan janji, ini bermakna apa yang ditawarkan pembangkang dalam manifesto PRU-13 ini juga tidak boleh diambil sebagai janji, sebaliknya sekadar 'omong kosong' atau 'gula-gula beracun' untuk membunuh masa depan rakyat dan negara.

Rakyat sepatutnya sudah dapat 'membaca' permainan politik pembangkang yang mereka sebenarnya hanya mengejar kuasa, bukan beriya-iya sangat hendak membela rakyat.

Seperti yang diungkapkan Hasan dalam kenyataan medianya kelmarin - "Bila sampai masanya mereka mencari seribu dalih memberi justifikasi mengapa manifesto itu tidak dapat dilaksanakan."



**ANWAR PATHO ROHMAN**  
wananwar@bhariani.com.my